# Buletin RESEPTOR

*Bilangan ke-4*

Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

- Jasamu di kenang
- Intensive English Language Program
- Lasbela Ke Australia
- Interpretasi Manifestasi Fikiran
  -Transformasi Berfokuskan Strategi-
- Bengkel Penyediaan Portfolio
- Aktiviti Mendaki Gunung Dato'
- Corat Coret Kemahiran Insaniah



PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN











UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

P
57
.M4
.R47
2010
a
v4

PENGAJIAN TINGGI KE ARAH TRANSFORMASI NEGARA

P57.M4 .R47 2010 v4
87516013

# DARI MEJA DEKAN



Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1Malaysia,

Syukur ke hadrat ILLAHI kerana dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita bertemu di RESEPTOR 2011/4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan TAHNIAH kepada kumpulan Editorial yang telah bertungkus lumus hingga berjaya menyiapkan dan menghasilkan RESEPTOR keluaran ini.
Tema RESEPTOR 'Pengajian Tinggi ke arah Transformasi Negara' adalah bertepatan dan sejajar dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi yang berkehendakkan semua institusi pengajian tinggi negara serta para graduannya mentransformasikan agenda, hasrat, minda serta sikap ke arah penambahbaikkan dalam bidang akademik dan juga bukan akademik. Transformasi ini diharap dapat menghasilkan graduan yang berkualiti dan kompeten dalam bidang masing-masing dan seterusnya dapat membentuk sahsiah serta jati diri yang tinggi di peringkat individu, komuniti yang memberi sumbangan kepada kemakmuran negara.
Akhir kata, saya berharap segala artikel, program serta aktiviti yang dipaparkan dapat menterjemahkan proses transformasi tersebut untuk dikongsi bersama dan dimanfaatkan ke arah kebaikan bersama.
Wassalam

Dr. Mariana Yusoff
Dekan
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

# KETUA EDITOR RESEPTOR



Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1Malaysia,

Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana mengizinkan kita menyiap dan melancarkan Buletin RESEPTOR Bil4 ini. Saya juga merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan masa bagi menghasilkan sebuah buletin yang cukup penting ini. Sesungguhnya, dalam misi mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara yang sebaris dengan negara maju lain, kita perlu memastikan pengajian tinggi berada pada landasan yang kukuh, mantap dan berkesan. UTeM secara amnya, dan PBPI secara khususnya harus memberi penekanan kepada pembangunan modal insan minda kelas pertama bagi mendukung dan menjayakan aspirasi murni dalam melahirkan cendekiawan yang maju dan kompetitif. Akhir kata, saya memohon kerjasama semua pihak agar sama-sama membulatkan tekad dan bersatu hati bagi menjayakan pelan transformasi yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Proses mentransformasikan pengajian tinggi negara sememangnya menuntut kita bekerja keras untuk mara ke hadapan bagi menjayakan Misi Nasional dan Wawasan 2020.

Nor Hazlen Niza Hussein
Ketua Editor Reseptor

PERPUSTAKAAN
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
No. Kawalan
0000060
No. Panggilan
P
57
.R47
Tarikh
22 JUN 2012

# Carta Pengurusan PBPI
## PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN



**Dr. Mariana bt. Yusoff**
*Dekan*



**Rohayati bt. Abdullah**
*Setiausaha*



**Dr. Asiah bt. Mohd Pilus**
*Timbalan Dekan Akademik*

*Timbalan Dekan Penyelidikan*



**Fatin Aini bt. Shari**
*Setiausaha*



**Teh Zanariah bt. Mohd Raus**
*Ketua Jabatan (Bahasa)*



**Mohamad bin Hj. Bokhari**
*Ketua Jabatan (Pengajian Islam & Kemanusiaan)*



**Rosli b. Saadan**
*Ketua Jabatan (kokurikulum)*



**Aziz bin Yahya**
*Ketua Jabatan (Pembangunan Insan)*



**Nurlisa Loke bt. Abdullah**
*(Pengurus Makmal)*



**Anidah bt. Robani**
*Penyelaras (Kemahiran Insaniah)*



**Suhadawati bt. Ahmad**
*(Penolong Pendaftar)*

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# SIDANG REDAKSI



# LENSA: JASAMU SEHARUM KASTURI

## PROF. DR. MOHD TAIB BIN HJ DORA
## MANTAN DEKAN PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN
## (2007-2011)



Mohd Taib Bin Hj. Dora, telah dilahirkan di Kg. Tanjung Bidara, Masjid Tanah, Melaka pada tahun 1961. Pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tanjung Bidara, Melaka sebelum melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Sains Muzaffar Shah, Melaka dan juga Sekolah Alam Shah, di Kuala Lumpur. Seterusnya melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Antropologi dan Sosiologi pada tahun 1984. Pada tahun 1991 memperoleh Ijazah Sarjana Sosiologi dan Ph.D dalam bidang Sosiologi Bandar pada tahun 1996 .Memulakan kerjaya dengan menyertai Universiti Teknologi Malaysia sebagai Penolong Pensyarah pada tahun 1985 dan Pensyarah pada tahun 1992 serta Professor Madya pada tahun 1999. Berpeluang menjadi Research Fellow di Universiti Kyoto, Jepun pada tahun 1999. Beliau memegang jawatan Dekan Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, (FPPSM) UTM mulai tahun 2001 hingga 2004.

Berdasarkan pengalaman dan kepakaran beliau dalam menerajui FPPSM, beliau telah dilibatkan secara langsung sebagai kumpulan Perintis penubuhan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) pada 2000/2001. Walaupun berada di UTM, kepakaran beliau dalam bidang kemiskinan bandar, penilaian impak sosial dan pembangunan keusahawanan telah digunakan dalam penubuhan Pusat Perkhidmatan Akademik KUTKM (PPA) pada 2001 dan seterusnya terlibat dalam penubuhan Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan KUTKM (IPTK) pada 2002/2003 . Pada 1 September 2004, beliau dilantik sebagai Professor di KUTKM yang kini dikenali dengan nama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Ketokohan beliau terus bersinar di UTeM apabila beliau dipertanggungjawabkan oleh pengurusan tertinggi untuk menerajui penubuhan Pusat Pengajian Siswazah dan beliau telah dilantik sebagai Dekan Pusat Pengajian Siswazah yang pertama pada tahun 2004.

Beliau dilantik sebagai Dekan PBPI mulai tahun 2007 sehingga 1 Februari 2011. Sepanjang menerajui kepimpinan di PBPI, beliau merupakan perintis penerbitan Journal of Human Capital Development sejak 2008 dan menjadi Ketua Editor sehingga kini. Selain itu, beliau juga merupakan penggerak penubuhan buletin PBPI RESEPTOR, Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan Universiti bagi bidang Sains Sosial, sejak 2008 sehingga kini. Kepakaran beliau dalam penganjuran Seminar peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa telah terbukti dengan kejayaan penganjuran Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah (SKIKS) pada tahun 2006, 2008, 2009 dan penganjuran International Conference on Comunication Dynamic pada 2010. Persidangan peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa ini secara langsung telah menaikkan nama PBPI dan UTeM sebaris dengan nama besar Universiti di Malaysia.

Minat yang mendalam dalam bidang penyelidikan, beliau telah pun menggerakkan usaha penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang di PBPI dan akhirnya PBPI telah berjaya memperolehi geran penyelidikan melebihi 20 geran dan IRPA dengan lima geran penyelidikan. Terbukti dengan kepakaran beliau dalam bidang penyelidikan dan konsultansi, beliau dilantik menjadi pakar perunding bagi menjalankan penyelidikan di Kementerian Luar Bandar, Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional, Kerajaan Negeri Melaka, KEMAS, PDRM dan sebagainya. Kepakaran beliau terus dipandang tinggi apabila menjadi think tank kepada Jabatan Ketua Menteri Melaka dalam bidang sains sosial (penulisan isu-isu sosial semasa). Selain aktif menulis melalui penghasilan penyelidikan, pelbagai buku, jurnal kebangsaan dan antarabangsa, beliau juga telah membentangkan lebih 60 kertas kerja di dalam dan luar negara.

Sumbang bakti beliau tidak terhenti di situ, dalam pembangunan khidmat komuniti beliau telah kerap kali di undang untuk memberikan ceramah keibubapaan, motivasi kepada pelajar sekolah dan masyarakat di luar Melaka. Kejayaan yang boleh dibanggakan oleh semua Ibubapa di Melaka apabila beliau telah berjaya menubuhkan Kelab Ibubapa dan Guru Islam Melaka (KIBGIM) yang merupakan kelab untuk menaikkan lagi pencapaian cemerlang anak-anak Melayu di Melaka dalam bidang pelajaran di peringkat UPSR sehingga ke peringkat SPM.

Kepimpinan terpimpin yang terserlah di Universiti, telah menjadikan beliau dilantik sebulat suara menjadi Pengerusi Badan Kebajikan Staf UTeM (BAKUTEM) mulai tahun 2008 sehingga Mac 2011, menjadi Pengerusi Kelab Badminton UTeM dan dilantik menjadi Fasilitator PINTAR. Bagaikan bulan jatuh ke riba, segala sumbangan dan khidmat bakti yang dicurahkan akhirnya diiktiraf apabila beliau telah dianugerahkan Bintang Cemerlang Melaka (BCM) pada tahun 2009.

# UTeM UMUM PELANTIKAN DR. MARIANA YUSOFF SEBAGAI DEKAN PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSANIAH (PBPI)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) baru-baru ini mengumumkan pelantikan Dekan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI) yang baru iaitu Dr. Mariana binti Yusoff.

Dr. Mariana yang memulakan perkhidmatan di UTeM sebagai Guru Bahasa pada tahun 2003 pernah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Bahasa dan Komunikasi di pusat tersebut pada tahun 2004 sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) di University of South Australia (UNISA) pada tahun 2006.

Beliau yang menamatkan pengajian di UNISA pada tahun 2009 mempunyai kepakaran dalam Bahasa Inggeris Untuk Kumpulan Khusus, Komunikasi Professional .

Ketika ditemui di sini, Dr. Mariana melahirkan rasa syukur di atas kepercayaan yang diberikan oleh pihak pengurusan UTeM dan akan memberikan penekanan yang menyeluruh terhadap pembangunan sahsiah pelajar terutama sekali dalam aspek komunikasi yang merupakan faktor penting dalam kebolehpasaran graduan.

Katanya, "PBPI memainkan peranan penting dalam pembangunan sahsiah pelajar dari aspek bukan teknikal seperti kemahiran komunikasi, penguasaan bahasa serta pembangunan insan. Ilmu yang diperolehi dari fakulti sememangya berteraskan teknikal namun PBPI menjadi pelengkap kepada ciri-ciri graduan yang dihasilkan."

Justeru, Dr. Mariana merancang untuk memaksimumkan segala kemudahan dan kepakaran yang ada di pusat tersebut untuk membentuk graduan yang mantap dari segi akademik dan sahsiah. Beliau menjelaskan bahawa pada masa ini, UTeM merupakan antara universiti yang memiliki kemudahan makmal bahasa termoden dengan menempatkan bahan-bahan interaktif untuk pelajar-pelajar menguasai bahasa dengan mudah.

Selain itu, beberapa siri seminar dan bengkel berimpak tinggi turut dirancang untuk memberi pendedahan terhadap kepentingan komunikasi efektif seterusnya bakal membentuk graduan yang menjadi rebutan pasaran kerja dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

Dr. Mariana juga menjelaskan bahawa inisiatif yang dilaksanakan di PBPI adalah selaras dengan hasrat Perdana Menteri yang menyeru semua pihak untuk memartabatkan Bahasa Melayu di samping memperkasakan Bahasa Inggeris.

# *Perjumpaan Staf* BERSAMA DEKAN BARU PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN

Suhadawati binti Ahmad

Pada 1 Februari 2011, Dr. Mariana binti Yusoff telah dilantik sebagai Dekan di Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) bagi tempoh 2 tahun iaitu mulai 1 Februari 2011 hingga 31 Januari 2013.

Bagi merapatkan hubungan silaturahim dan tanda salam perkenalan antara Dekan dan staf PBPI, satu perjumpaan staf bersama Dekan PBPI telah diadakan pada 25 April 2011 di Bilik Seminar, PBPI.

Antara objektif perjumpaan tersebut diadakan adalah :

1. Merapatkan lagi hubungan silatulrahim di antara staf dan Dekan baru PBPI dengan harapan agar suasana kerja yang lebih harmoni dapat diwujudkan.

2. Menjelaskan dan menerangkan kepada semua staf PBPI mengenai hala tuju visi dan misi PBPI supaya selari dengan matlamat UTeM.

3. Menghuraikan secara terperinci maksud tema utama UTeM 2011 iaitu ' Transformasi Berfokuskan Strategi Mencipta Keunggulan Universiti Teknikal'.

4. Mengenengahkan lagi kepentingan kerja berpasukan dan semangat kesepunyaan sesama staf di PBPI agar lebih menimbulkan rasa kekitaan terhadap PBPI.

Di kesempatan majlis tersebut, Dr. Mariana memberikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Dekan iaitu Y. Bhg. Prof. Dr.Mohd Taib bin Dora atas sumbangan dan didikan selama beliau menerajui PBPI.



**Mutiara Kata**

- *Sahabat sejati umpama pohon rendang tempat kita berteduh.*
- *Jambatan menjadi penghubung antara dua buah kampung, perkahwinan menjadi penghubung antara dua insan dan anak menjadi penghubung antara ibu dan ayah*
- *Pemimpin yang berjaya ialah orang yang boleh mengawal komunikasi dengan orang yang lebih atas daripadanya dan boleh mengawal komunikasi dengan orang yang lebih bawah daripadan*
- *Sahabat sejati dan setia adalah lebih bernilai dari semua emas di dunia ini.*

Di akhir majlis tersebut, Dr. Mariana amat mengharapkan agar beliau mendapat kerjasama dan sokongan yang padu daripada semua staf demi merealisasikan visi dan misi PBPI mengikut acuan yang digariskan oleh pihak pengurusan tertinggi universiti.











# PROGRAM PINTAR

## PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN

Suhadawati binti Ahmad

UTeM di bawah pengelolaan Unit Latihan, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Program Pintar Siri 2 untuk Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) pada 18 hingga 20 Februari 2011 yang lalu di Permaisuri Resort, Port Dickson.

PINTAR atau nama penuhnya Program Integrasi Insan Terbilang merupakan program yang bertujuan untuk memperkukuhkan lagi pemahaman staf terhadap visi dan misi UTeM secara menyeluruh dengan menggunakan pendekatan berasaskan kaedah pembelajaran melalui pengalaman. Program ini telah melibatkan seramai 54 orang kakitangan PBPI dari pelbagai peringkat iaitu akademik dan bukan akademik yang hadir dengan matlamat yang sama iaitu, untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam bagi mengaplikasikan ilmu dan pengalaman yang diperolehi ke arah pencapaian visi dan misi UTeM.

Terdapat tiga objektif utama pelaksanaan program tersebut iaitu pertama, memberi pendedahan terhadap aspek pembangunan rohani yang diberi melalui aktiviti kuliah agama.

Objektif kedua pula lebih menyentuh kepada aspek pembangunan mental yang diketengahkan melalui aktiviti yang menguji ketahanan mental dan semangat kerja berpasukan seperti aktiviti berakit. Manakala objektif ketiga pula lebih memberi penekanan kepada aspek pembangunan jasmani sepertimana yang diterapkan di dalam aktiviti sihat cergas dan aktiviti luar dewan yang lain.

Pengisian program untuk 3 hari 2 malam ini telah dikendalikan oleh saudara Farid bin Fajz dan beberapa trainer lain yang berpengalaman luas dalam memberi latihan kepada peserta. Pendekatan pembelajaran melalui pengalaman yang digunapakai oleh trainer telah banyak memberi impak yang positif kepada peserta dalam memahami kehendak dan hala tuju PBPI dan UTeM itu sendiri. Penganjuran program ini secara amnya telah berjaya mencetuskan semangat kerja berpasukan di kalangan staf PBPI sendiri dan telah memberi cabaran utama kepada para peserta bagi menggunakan keupayaan fizikal dan mental dalam mengharungi program ini agar dapat diaplikasikan dalam mengharuhi cabaran sewaktu bekerja.

# INTENSIVE
## ENGLISH LANGUAGE PROGRAM (IELP)

B. Subatira

The Intensive English Language program which has been conducted since December 2009 has produced three batches of students. Most of these students have been given the opportunity to further their studies at UTeM. The first group of undergraduates comprised the Yemenis while the second were the Somalis and the Indonesians. The third group were the postgraduates students from Iraq and Libya. These postgraduate IELP students have since passed all the courses offered during their studies and are now pursuing their Master's programs at the various faculties at UTeM.

The recent September intake saw a larger number of undergraduate students enrolling in the IELP than the previous semester. Forty six students registered for the one year program. As we could not accommodate all of them in the same class, it was then decided that they be divided into two groups. The program consists of sixteen hours per week and is run by eight instructors.

We have also a new batch of postgraduates who are now registered as PBPI students. Since PBPI has taken over most of the administrative duties pertaining to the postgraduate students, we have been given the task of ensuring that the students get the best out of this program. It is our endeavour to fulfil not only the aspirations of the students but also PBPI as well as the University. It is our objective to assist students in improving as far as possible in the English language. This dramatic improvement we have noticed in our experience with the previous batches of Yemenis, Somalis, Iraqis and Libyan students. Looking at the students' progress and how well they have finally turned out to be, PBPI English language instructors are proud to be involved in this program. We derive a profound sense of fulfilment when our former IELP students come back and tell us how good and confident they are in communicating with their course mates and lecturers in their faculties. The credit no doubt goes to all the instructors who have toiled hard and displayed a high level of commitment despite the many difficulties encountered.

Finally, let us hope that we are able to deliver one of the best English language learning courses in the country.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA














Lawatan ke Deakin University English Language Institute (DUELI), Melbourne, Australia pada 28 April 2011






# LAWATAN K

## KE UNIVERSITI-UNI

Pada 4 April 2011 hingga 8 April 2011 yang lalu, satu program lawatan kerja ke universiti di Australia telah berjaya dilaksanakan. Delegasi yang disertai oleh Dekan Pusat Bahasa & Pembangunan Insan bersama dua orang pensyarah Jabatan Bahasa telah berkesempatan untuk melawat beberapa universiti di sekitar Adelaide dan Brisbane.

Program ini dirancang dengan matlamat bagi mengukuhkan dan memperluaskan ilmu pengajaran dan pembelajaran serta rangkaian kerjasama akademik dan aktiviti penyelidikan terutamanya dalam bidang bahasa dan kemahiran insaniah antara UTeM dengan beberapa universiti di Australia. Antara objektif utama lawatan ini dianjurkan adalah untuk mengenalpasti pelbagai aktiviti pembelajaran oleh "English Language Centre (ELC)" di universiti-universiti yang dilawati di Australia di samping mengetahui cara pembinaan dan adaptasi bahan-bahan pengajaran yang interaktif dan dapat menarik minat pelajar dalam pembelajaran bahasa. Lawatan ini juga diharap dapat bertindak sebagai platform bagi percambahan dan pertukaran idea antara wakil PBPI dengan wakil universiti di Australia yang dilawati berkaitan dengan penerapan kemahiran insaniah dalam pengajaran dan pembelajaran.

Pada hari pertama kunjungan diadakan ke University of Adelaide yang terletak di tengah bandar Adelaide. Dalam pertemuan dengan sekumpulan staf dari Centre for Professional and Continuing Education (PCE), delegasi UTeM telah dimaklumkan mengenai kursus-kursus yang ditawarkan di PCE yang merangkumi pelbagai kursus pendek (Professional & Personal Development Short Courses) dan kursus Bahasa Inggeris. Pembentangan yang dibuat juga meliputi pelaksanaan kursus-kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan oleh English Language Centre iaitu sebuah unit yang merupakan sebahagian dari PCE. Pertemuan itu diakhiri dengan lawatan ke sekitar premis PCE untuk meninjau kemudahan prasarana yang disediakan di PCE.

Lawatan seterusnya adalah ke Flinders University iaitu bertempat di Intensive English Language Insitute (IELI). Dalam pertemuan yang ringkas ini kami tertarik dengan konsep pengajian secara atas talian (online-learning) yang dikelolakan oleh IELI secara separuh masa dan bersifat fleksibel, di mana pengajaran dibuat secara atas talian dan melibatkan latihan dalam kumpulan kecil.

Terdapat beberapa sekolah dan universiti di Jepun yang telah mendapat manfaat dari e-learning model ini yang melibatkan penggunaan alat pengajaran dan pembelajaran secara online seperti siaran audio secara langsung, teks, perkongsian fail, whiteboard dan kuiz secara langsung. Sementara menantikan pertemuan kelas online yang seterusnya pelajar boleh mengakses bahan-bahan interaktif terutamanya untuk kemahiran membaca dan mendengar mengikut kesesuaian masa masing-masing. Selain itu IELI juga menawarkan seminar English for Special Purposes secara online untuk institusi pesisir (offshore) melalui siaran video.

Hari kedua di Adelaide dipenuhi dengan lawatan ke Centre for English Language (CELUSA), University of South Australia. Kami difahamkan bahawa CELUSA mengkhusus dalam pelaksanaan program persediaan bahasa Inggeris untuk pelajar antarabangsa pada peringkat sarjana muda dan pasca-siswazah. CELUSA juga turut menawarkan kelas persediaan untuk ujian International English Language Testing System (IELTS) selain berfungsi sebagai salah satu pusat bagi ujian tersebut.

Destinasi yang seterusnya adalah Brisbane, ibu kota Queensland. Universiti yang dilawati ialah University of Southern Queensland yang terletak di Toowoomba kira-kira dua jam perjalananan dari kota Brisbane. Pertemuan bersama staf Open Access College (OAC) telah diatur. Kami telah diberi pengenalan kepada OAC dan peranannya dalam mempersiapkan pelajar dengan kemahiran bahasa Inggeris dan kemahiran insaniah sejajar dengan keperluan di peringkat pengajian tinggi di Australia.

Hos juga tidak lokek untuk berkongsi maklumat berkaitan modul dan

UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# ERJA RASMI
# ERSITI DI AUSTRALIA

Razilah binti Abdul Rahim




bahan pengajaran yang digunapakai di OAC. Kami juga dimaklumkan dengan peranan Learning and Teaching Support Unit (LSTU) yang menyediakan khidmat nasihat dan bimbingan untuk pelajar berkaitan learning skills. Kami tertarik dengan inisiatif yang berterusan dari pihak LSTU bagi memastikan pelajar mendapat sokongan dan bantuan dalam menghadapi proses pembelajaran di universiti baik melalui pertemuan face-to-face mahu pun secara online. Pembentangan yang terakhir adalah berkaitan pelaksanaan penerapan kemahiran insaniah merentas kurikulum/fakulti. Sememangnya ia agak mengujakan kerana kami saling bertukar pendapat dan pengalaman berkaitan cabaran yang dihadapi dalam usaha mengetengahkan kemahiran insaniah di institusi masing-masing. Lawatan di University of Southern Queensland diakhiri dengan bersiar-siar menikmati keindahan Japanese Garden yang terletak di dalam kampus universiti.

Lawatan pada keesokan harinya adalah di University of Queensland (St. Lucia Campus). Perjumpaan pada hari tersebut diatur bersama tiga orang staf dari Institute of Continuing & TESOL Education (ICTE-UQ). Perbincangan berkisar kepada pelaksanaan program bahasa dan tip-tip yang praktikal dalam pemilihan aktiviti dan bahan pengajaran dan pembelajaran untuk program intensif bahasa Inggeris bagi pelajar antarabangsa. Turut dibincangkan adalah pelaksanaan ujian penempatan bahasa Inggeris untuk program tersebut.

Lawatan selama lima hari ini memberi manfaat dan panduan kepada delegasi UTeM tentang amalan baik dalam bidang bahasa dan kemahiran insaniah yang dapat diadaptasi di PBPI sejajar dengan matlamat PBPI untuk memantapkan pencapaian kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar di UTeM.




University of Adelaide
4 April 2011



University of Flinders 4 April 2011






University of South Australia 5 April 2011

# AKTIVITI

## MENDAKI GUNUNG DATO' PELAJAR KEMBARA

Rosli bin Saadan









Pelajar mata pelajaran Kembara telah mengadakan aktiviti mendaki gunung Dato' pada hari Sabtu 9 April 2011. Ianya berlangsung selama satu hari bermula tepat pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 6.00 petang. Program selama satu hari ini telah diisi dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat kepada semua ahli kembara. Aktiviti selama sehari ini diisi dengan pelbagai program. Setibanya kami tiba di perkarangan Gunung Dato', ahli-ahli kembara menjalani latihan dan pengajaran 'survival dan safety serta perkhemahan' dari tenaga pengajar En.Ikhbar dan En.Baghwan. Sesi pertama ini sangat membantu ahli-ahli kembara sewaktu mengadakan aktiviti luar di mana keselamatan dan pandai mengawal keadaan sewaktu kemalangan berlaku, adalah perkara yang paling utama. Setelah hampir satu jam lebih mendengar taklimat dan kelas, aktiviti penting iaitu, pendakian Gunung Dato' bermula. Keselamatan setiap ahli kembara dijaga dan kami saling bantu iantara satu sama lain. Semangat kerjasama dan bantu membantu jelas kelihatan dalam setiap 'attitude' ahli kembara. Kami saling memberikan galakan dan 'support' untuk setiap ahli agar tidak berputus asa dalam mengharungi cabaran mendaki gunung tersebut. Syukur Alhamdulillah segala perancangan berjalan dengan lancar. Sehubungan itu, ucapan terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada 'Team Final Program Kelab Kembara' kerana Berjaya menjayakan program ini. Namun begitu,jutaan terima kasih juga diberikan kepada ahli-ahli kembara yang memberikan sepenuh komitmen dalam aktiviti ini tanpa komitmen kalian sudah pasti program ini tidak berjaya dilangsungkan.

Sekalung tahniah kepada semua ahli kembara kerana berjaya merealisasikan program ini dengan jayanya dan tidak lupa juga kepada tenaga-tenaga pengajar yang terlibat sepanjang program ini berlangsung. Kesimpulannya, kami ahli-ahli kembara UTeM bersyukur kerana aktiviti-aktiviti sebegini dijalankan. Segala ilmu yang ahli-ahli Kembara terima sewaktu pembelajaran selama lebih dari 10 minggu mampu diaplikasikan dalam aktiviti terakhir kami ini. Segala tunjuk ajar dari pihak tenaga pengajar dimanfaatkan sebaiknya oleh setiap ahli kembara.

Sehubungan dengan itu, disarankan agar aktiviti-aktiviti seperti ini wajar dijalankan bagi pelajar kembara kerana ianya bukan sahaja mampu mempraktikkan segala ilmu yang diterima sewaktu pembelajaran malah dapat menikmati keindahan tuhan yang tiada tolok bandingnya.









## LATIHAN KECERGASAN FIZIKAL SEPAK TAKRAW

Rosli bin Saadan

Pelajar-pelajar kokurikulum sepak takraw telah didedahkan kepada aktiviti latihan fizikal di Hutan Rekreasi Ayer Keroh untuk mengukur tahap kecergasan pelajar-pelajar sebelum menjalankan aktiviti yang lebih mencabar. Aktiviti ini telah diadakan pada hari Rabu, 19 Januari 2011 bermula jam 3.00 petang hingga 5.00 petang. Seramai 40 orang pelajar telah menyertai latihan ini terdiri daripada pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Latihan telah dijalankan selama dua jam di mana pelajar dikehendaki berjalan, berlari dan jogging mengelilingi trek yang terdapat di hutan rekreasi mengikut kemampuan masing-masing. Selepas itu mereka menjalankan aktiviti larian rintangan iaitu berlari merentasi bukit sejauh 50 meter selama 10 ulangan. Latihan kecergasan ini telah dikendalikan oleh En. Rosli bin Saadan. Kesemua pelajar dapat menjankan aktiviti tanpa sebarang kecederaan.




# ENGLISH PROFICIENCY PROGRAMME FOR ACADEMICIANS (EPPA)

Rajendraan Elangsegaran & Noor Azlin Bidin




The English Proficiency Programme for Academicians organized by the Language Department, Centre of Languages and Human Development has been successfully carried out for seven weeks, every Wednesday with a two-hour session per week from 23rd March until 4th May 2011. A total of 26 participants representing different faculties in UTeM took part in this programme. The Vice Chancellor of UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan officiated the opening ceremony of this programme on 23rd March 2011.





The primary aim of this programme is to develop the speaking skills of academicians so as to help them to communicate at a professional capacity. The programme is designed based on the modules of the 'Toastmasters International Public Speaking Programme'. The content of the training module is modified according to the needs of the academicians in UTeM. It adopts a 'learn-by-doing' philosophy which is hoped to develop and optimize the speaking skills of academicians.





In this programme, the participants are divided into two groups and they undergo a seven-week training that encompasses of seven topics. They are provided the opportunity to practice various skills useful in writing and presenting speeches, speaking extemporaneously, listening and providing feedback as well as evaluating. The ability to voice opinions and to deliver speeches creatively and productively is indeed an avenue to gear the academicians towards gaining confidence and expertise in the art of public speaking as well as in becoming skilled and outstanding professional communicators.





The programme was conducted in a lively and interactive manner with full participation of the participants who were assigned to different roles. Among the roles of the participants are; chairperson, table topic manager, language officer, 'ah' counter officer, speech evaluators and timekeeper. Each participant will play different roles for every week. Each session consists of two main parts. The first part is the Prepared Speeches, during which three or four participants presented their prepared speeches to the group as outlined in each module. Meanwhile the second part is the Impromptu Speeches. Participants who were not involved in any role play communication activities; will have to give a two-minute talk on a subject prepared by the session's Table Topic Manager.










The English Language Proficiency Programme for Academicians is indeed of great value to academicians based on the feedback from the participants, the programme was successful in achieving its objective. As proficient speakers of English, academicians can touch the lives of hundreds of students as well as inspire and prepare them for their future life. Besides, they will also earn the applause and admiration of their students. It is wished that this programme helps to foster a conducive and supportive learning-oriented environment.



UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL



# INTERPRETASI MANIFESTASI FIKIRAN

## *Pengajian Tinggi ke Arah Transformasi Negara*

### -Transformasi Berfokuskan Strategi-

Suasana pengajian tinggi sentiasa berubah dan dinamik, dan Malaysia perlu mentransformasikan pengajian tingginya supaya setanding dengan negara lain. Di rantau ini sahaja, secara umumnya, Korea Selatan, Singapura, dan China terus berusaha gigih mencipta nama dan meningkatkan keupayaan institusi dan sistem pengajian tinggi mereka, dan Malaysia melalui Institut Pengajian Tingginya seperti Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menggalas peranan penting sebagai gedung ilmu dan pembangunan manusia bagi menghasilkan ilmuwan, cendekiawan, kesarjanaan, pekerja mahir dan separa mahir untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Sesungguhnya, dalam misi mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara yang sebaris dengan negara maju lain, kita perlu memastikan pengajian tinggi berada pada landasan yang kukuh, mantap dan berkesan. Transformasi ini juga merupakan kesinambungan falsafah pendidikan seperti yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996 untuk melahirkan modal insan yang seimbang, harmoni, berpengetahuan dan berakhlak mulia. Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berikut menjadi asas kepada Falsafah Pengajian Tinggi di Malaysia:

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta mampu memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara". - Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Akta Pendidikan 1996.

Misi UTeM iaitu untuk "melahirkan ahli professional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan melalui pendidikan universiti teknikal berkualiti dan bertaraf dunia berteraskan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan berorientasikan aplikasi serta perkongsian pintar universiti-industri sejajar dengan aspirasi negara" adalah sejajar dengan matlamat pengajian tinggi untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian serta berkemampuan untuk menggunakan pengetahuan kepada amalan. Di samping itu, graduan perlu berinovatif, mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi (berfikiran analitikal dan kritikal, berupaya menyelesaikan masalah dan penaakulan), menguasai pelbagai bahasa dan keupayaan berkomunikasi dengan berkesan serta celik teknologi, menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan, dan mampu untuk memberikan sumbang bakti kepada masyarakat, negara dan dunia.

Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) secara amnya, mendukung tanggungjawab penting dalam menterjemahkan arus perdana pengajian tinggi yang menuntut perubahan dan transformasi dengan menekankan modal insan. Ia adalah aset terpenting bagi meningkatkan kualiti, daya saing, dan kreativiti graduan, seiring dengan tuntutan pihak industri serta majikan. Antara langkah yang diambil ialah menekankan penggunaan bahasa Inggeris, meningkatkan penguasaan bahasa asing dan membentuk graduan supaya berfikiran lebih kritikal. Wakil Reseptor menyelami pengalaman Pengarah Penerbit Universiti yang juga pensyarah di PBPI, Yg. Berbhg (Y.Bhg.) Dr. Hazmilah binti Hassan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh PBPI secara khususnya, dan UTeM secara amnya, dalam menyokong transformasi pengajian tinggi di kalangan staf dan pelajar UTeM.

**Reseptor** : UTeM secara dasarnya berperanan besar dalam menyediakan graduan untuk memenuhi kehendak pasaran. Tuntutan pihak industri pula kini banyak bertumpu kepada kejituan modal insan dan pengantarabangsaan. Pada pandangan Dr., apakah bentuk transformasi yang telah dilakukan oleh PBPI bagi membina kecemerlangan akademik yang selaras dengan kehendak institusi dan industri?

**Dr. Hazmilah** : Transformasi bermaksud perubahan secara terancang yang bertujuan membangunkan diri (self) atau pendidikan secara sistematik dan berkualiti. Di UTeM, konteks transformasi ini adalah dalam kalangan pelajar dan staf. Ini menunjukkan bahawa individu boleh mengubah dirinya sama ada kesihatannya, pendidikannya, perangainya atau perlakuan daripada kurang baik kepada kepada lebih baik melalui strategi yang dirancang. Untuk memastikan sesuatu transformasi berlaku, ada beberapa elemen yang terlibat iaitu apa atau siapa yang hendak diubah, siapa yang bertanggungjawab untuk melakukannya dan berapa lama tempoh yang diperuntukkan? Itu adalah antara persoalan yang terlibat bila kita bercakap berkenaan transformasi.

Transformasi hanya akan berlaku melalui jentera transformasi atau siapa yang harus melakukan usaha-usaha transformasi tersebut. Siapa yang kita nak ubah? Dalam konteks universiti, UTeM diamanah untuk mentransformasikan pelajar atau graduan mengikut kehendak industri dan pasaran kerja. Siapa UteM itu? Para ilmuwan dan staf pentadbiran yang akan menyokong segala usaha transformasi tersebut. Selaku jentera yang akan melakukan transformasi, kita kena pastikan jentera ini benar-benar berkompetensi sama ada dari segi ilmunya, kaedahnya, dan cara pelaksanaannya.

Sebelum saya meneruskan, suka saya menarik perhatian terhadap cara Nabi Muhammad SAW yang telah berjaya mentransformasikan Khalid Al-Walid dari seorang yang digeruni dengan sifat garangnya di medan perang sehingga diberi jolokan singa padang pasir. Beliau telah menewaskan tentera Islam dalam perang Uhud dengan strategi peperangan. Namun begitu setelah memeluk Islam beliau telah berubah 360 darjah kepada seorang yang bersifat penyayang dan dermawan manakala ketika

di medan perang, kepahlawanan beliau terserlah hingga mendapat gelaran Pedang Allah atau Saifollah. Strategi yang digunakan oleh Nabi Muhammad adalah melalui perasaan (spiritual quotion), faham (emotional quotion), tertib (intellectual quotion) dan perbuatan (perbuatan). Hari ini kebanyakan strategi dalam transformasi dimula dengan physical quotion dahulu, diikuti dengan intellectual quotion, emotional quotion dan akhirnya spiritual quotion. Cara Nabi Muhammad SAW mendatangkan rasa sayang dan cinta pada Allah dahulu, kemudian apabila disuruh dalam bentuk perbuatan maka mudah untuk kita bergerak kepada sesuatu perubahan. Sebagai agen transformasi, adalah baik jika kita dapat mengikuti pendekatan yang dibawa oleh baginda Rasullullah S.A.W.

Di peringkat Universiti, pengagihan mengikut kepakaran fakulti dan pusat. Bagi kepakaran dan input teknikal serta pengurusan teknologi dan kejuruteraan kepada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Elektrikal, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan, dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan manakala Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan mengajar subjek servis seperti Bahasa Inggeris, Jepun, Mandarin, Arab dan beberapa bahasa ketiga yang diperakukan oleh Universiti. Kemahiran Insaniah juga telah dipertanggungjawabkan kepada PBPI sehingga universiti telah meluluskan Unit Kemahiran Insaniah bagi mengatur strategi pemerkasaan soft skill dalam kalangan pelajar dan staf.

Selaku agen transformasi dalam pemerkasaan bahasa dan kemahiran insaniah, agen-agen transformasi di PBPI juga harus muhasabah diri melihat kepada kekuatan diri. Ini adalah penting dalam memastikan agen transformasi adalah benar-benar kompeten dengan amanah yang diberikan. Setelah melihat kepada kompetensi diri, PBPI harus melihat kepada nisbah agen transformasi dan pelajar serta staf. Ini penting dalam memastikan usaha transformasi dapat dijalankan secara berkesan. Aspek penganalisaan kredit untuk bergraduat, pelajar dikehendaki memperolehi 120 kredit untuk bergraduat. Sepanjang empat tahun pengajian kejuruteraan, pelajar harus mendapatkan 120 kredit tersebut dan lebih kurang 19 kredit sahaja diperuntukkan kepada subjek untuk pemerkasaan bahasa dan kemahiran insaniah. Namun begitu, kita masih membaca dan mendengar dalam ucapan Menteri Pengajian Tinggi dan maklum balas dari industri; graduan lemah berkomunikasi dengan baik, penguasaan dalam bahasa Inggeris dan kemahiran insaniah masih kurang memuaskan pihak industri. Menerusi kajian, jika kita membandingkan kaedah pembelajaran kejuruteraan di negara-negara maju, peruntukan dari segi peratusan untuk subjek bukan teras adalah seperti Britain - <10%; Amerika Syarikat – 42%; Australia – 25%; Jerman – 16%; Perancis – 30%; Malaysia - >10%; dan UteM – 10%. Subjek bukan teras ini menyumbang kepada pembentukan generik skill atau soft skill.

**Reseptor** : Selain dari apa yang telah dilakukan, pada pendapat Dr., apa lagi strategi yang dapat dilakukan oleh PBPI bagi menyumbang ke arah kecemerlangan transformasi pendidikan?

**Dr. Hazmilah** : PBPI telah mengatur strategi sebagai tambah nilai melalui aktiviti dan program pemerkasaan bahasa iaitu Bits & Piece s- Bahasa Inggeris, Bahasa Jepun dan Bahasa Mandarin, Kem Bahasa Inggeris, IELP dan English Programme for Academician (EPA). Unit Kemahiran Insaniah, fakulti dan HEPA juga telah menyusun strategi melalui program dan aktiviti secara mandiri, terapan dan aktiviti HEPA dalam memperkasakan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Pemantauan jadual pembelajaran kendiri pelajar yang padat sepanjang tempoh 4 tahun pengajiannya sama ada masa untuk belajar sendiri dan mencerna ilmu yang dipelajari serta amalannya. Maklum balas dari pelajar terhadap keberkesanan proses transformasi sama ada ilmu teknikal dan bukan teknikal perlu dianalisis. Ini perlu sebagai indikator untuk tambah baik usaha transformasi yang telah dijalankan.

**Reseptor** : Amanah besar yang dipikul oleh PBPI untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan menawarkan subjek-subjek komunikasi, bahasa asing, dan pemikiran kritis contohnya, kadangkala dipandang sepi oleh sesetengah pihak. Dalam kita menyokong penuh langkah dan usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa ketiga dan berfikiran kritikal di kalangan graduan, masih ada yang beranggapan ia bukanlah suatu keperluan. Adakah Dr. bersetuju dengan penyataan ini? Mengapa agaknya terjadi sedemikian?

**Dr. Hazmilah** : Saya berpandangan universiti telah memberikan sokongan kepada PBPI dalam memperkasakan bahasa dan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar dan staf melalui pertambahan staf sebagai agen transformasi, bajet dan peralatan yang bersesuaian. Namun begitu, sokongan di peringkat fakulti amat dialu-alukan dalam memastikan gerak kerja transformasi ini berjaya. Walaupun kita berbeza persatuan iaitu Fakulti dan Pusat, kita adalah satu kesatuan dalam memastikan usaha universiti dan negara tercapai. Maka barulah cantik bak kata pepatah bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.

**Reseptor** : Dr. Hazmilah mempunyai pengalaman yang begitu luas dalam mengendalikan banyak subjek yang bersangkutan dengan kemahiran insaniah dan sememangnya arif dengan kerenah para pelajar. Pada pendapat Dr., apakah cabaran-cabaran yang harus dihadapi oleh para pensyarah untuk memperteguh budaya pembelajaran dan pengajaran bagi menghasilkan individu-individu modal insan minda kelas pertama yang berfikiran inovatif, kreatif, dan berdaya saing?

**Dr. Hazmilah** : Pertama, tenaga pengajar harus memastikan kompetensi diri bukan sahaja dalam subjek, malah dalam kaedah dan teknik pengajaran. Ini penting dalam memastikan knowledge transfer berlaku dengan kaedah yang terbaik. Tenaga pengajar harus mempersiapkan diri dan mengambil peluang yang disediakan oleh universiti melalui kursus-kursus anjuran Pusat Pengajaran dan Pembelajaran iaitu asas pengajaran dan pembelajaran, teknik PBL dalam pengajaran dan pembelajaran dan kaedah penilaian pelajar serta banyak lagi kursus yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Ini penting dalam memastikan tenaga pengajar lama dan baru saling mempersiapkan diri dengan kaedah terkini untuk manfaat pelajar.

Kedua, tenaga pengajar seharusnya bukan hanya mengajar tetapi juga mendidik pelajar. Penerapan nilai-nilai yang baik berteraskan Falsafah Pendidikan Negara, generasi yang mahu dihasilkan daripada sistem pendidikan negara adalah generasi bersatu-padu yang seimbang dan harmonis daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Nilai-nilai murni dan integriti cuba disemai, kemahiran cuba dicanai agar mendatangkan keupayaan dalam diri pelajar untuk mencapai kesejahteraan diri serta

UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

memberi sumbangan ke arah kemakmuran negara.

**Reseptor** : Bagaimana pula dengan pelajar? Bagaimana caranya mereka dapat mempersiapkan diri untuk menjadi insan berkualiti, memiliki kecemerlangan ilmu, berkemahiran, serta dilengkapi kesopanan dan kesusilaan?

**Dr. Hazmilah** : Pelajar harus ikhlas dan terbuka minda dalam menimba ilmu pengetahuan. Tiada jalan pintas untuk mencapai kecemerlangan akademik. Setiap proses pembelajaran yang dilalui oleh pelajar sama ada kuliah, aktiviti kumpulan, menghadiri seminar, menyertai kegiatan ko-kurikulum, bersukan dan bermasyarakat adalah sebahagian daripada prosespembelajaran. Pelajar diajar cara mengenal pasti permasalahan, proses membuat keputusan dan pilihan pelaksanaan keputusan yang terbaik. Peluang ini harus dimanfaatkan oleh pelajar dalam memastikan semua proses ini dapat diterjemahkan dalam kehidupan harian dan di tempat kerja kelak.

**Reseptor** : UTeM mempunyai peranan penting sebagai gedung ilmu dan pembangunan manusia bagi menghasilkan ilmuwan, dan kesarjanaan yang akan menyumbang kepada pembangunan negara. Sejajar dengan itu, UTeM perlu menyediakan pelan pembangunan kurikulum yang relevan, ahli akademik yang berwibawa dan persekitaran akademik yang kondusif untuk pembelajaran berfokuskan pelajar. Pada pendapat Dr., adakah apa yang tersedia untuk pelajar di sini setanding dengan institusi pengajian lain, atau perlukah dilakukan transformasi yang lebih menyeluruh?

**Dr. Hazmilah** : Kita harus melihat kepada 2 perkara iaitu pembangunan fizikal dan kedua pembangunan modal insan. Saya berpandangan UTeM telah dan sentiasa berusaha untuk menyediakan infra, alat bantu mengajar samada secara fizikal atau program yang mencapai piawaian dan standard yang dikehendaki oleh Bahagian Akreditasi Pendidikan Tinggi. Walaupun begitu, masih ada ruang untuk ditambah baik lagi dan saya percaya itu juga dalam perancangan dan tindakan universiti. Pembangunan modal insan menjurus kepada pembentukan kepakaran staf sedia ada di samping program kesarjanaan yang kita jalankan. Unit Latihan UTeM telah membangunkan berbagai-bagai program latihan jati diri, integriti staf, kursus berbentuk khusus dan umum yang boleh direbut peluang oleh staf samada akademik dan staf pentadbiran untuk meningkatkan kompetensi diri sama ada dalam bentuk intelektual dan spiritual. Tahap kompetensi staf harus digilap melalui latihan atau perkongsian melalui refleksi pengalaman sesama rakan kerja untuk menambahbaik cara dan persekitaran bekerja yang disukai oleh warga UTeM. Ini adalah penting, kerana setiap hari kita berada di pejabat selama 8 jam atau lebih waktu jam bekerja. Jadi kita seharusnya mencipta persekitaran dan keserakanan yang kita sukai contohnya suasana yang nyaman, semua rakan sekerja berfikiran positif dan membentuk satu jemaah walaupun kita dari PTj yang berasingan. Waktu kerja berusaha bersungguh-sungguh untuk buat yang terbaik. Kita harus ingat umur yang diberi pinjam ini akan dipanggil balik. Kita akan diiringi kekubur tiga perkara iaitu amal kita, harta dan keluarga. Selepas kita dikuburkan, dua akan balik iaitu harta dan keluarga manakala amal akan tinggal. Pada masa itu baru kita sedar adakah amal kita mencukupi sebagai bekalan kita mengadap Ilahi. Jadi saya mengingat diri saya dan rakan-rakan warga UTeM pastikan sibuk kita biarlah sibuk yang ada amal untuk kita bawa bersama ke kubur. Bersyukur dengan ketentuan Allah, yang kadang-kadang pahit pada kita tetapi kemanisannya hanya Allah sahaja yang tahu. Jadi banyakkan bersabar, penuhi waktu terutamanya bila kita berjumpa pelajar pastikan bukan hanya kita mengajar tetapi turut mendidik mereka. Sayangilah pelajar kita, seumpama kita menyayangi keluarga kita. Mungkin amal dengan pelajar ini lah yang akan meringankan timbangan kita untuk ke syurga. Allah huakbar, peringatan ini untuk saya dan rakan-rakan sekalian, mohon ampun kepada Allah Rabbul Alamin.

**Reseptor** : Usaha gigih sedang diambil untuk memperkenalkan UTeM sebagai hab pengajian tinggi antarabangsa dengan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa dari luar negara. Mereka datang membawa pelbagai perspektif, budaya, dan ilmu yang dapat memperkaya serta memberikan citra antarabangsa pada UTeM sendiri. PBPI sendiri ada menawarkan kursus asas Bahasa Inggeris iaitu Intensive English Language Programme (IELP) yang bertujuan untuk memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar ini. Dalam kita ghairah menerima pelajar dari merata pelosok dunia, bagaimana dengan persiapan UTeM sendiri bagi memberikan yang terbaik pada pelajar-pelajar ini, contohnya, adakah para pensyarah di fakulti-fakulti kita telah mempersiapkan diri mereka dalam menangani isu seperti penguasaan Bahasa Inggeris, pertembungan budaya dan sebagainya?

**Dr. Hazmilah** : Sama seperti pandangan saya terdahulu, apabila kita membuka peluang belajar kepada pelajar antarabangsa, seharusnya kita telah dalam keadaan bersedia dari segi kompetensi staf, infra pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi permintaan dan jangkaan pelajar antarabangsa. Kita sedaya upaya cuba memenuhi keperluan pembelajaran yang terbaik sama ada dari segi pedagoginya, kandungan pembelajaran dan standard yang ditentukan oleh badan akreditasi kebangsaan seperti MQA.

Tambah menarik dengan corak dan warna-warni dari pelajar antarabangsa ini akan menambah kepada silang budaya antara budaya Malaysia dan budaya asal pelajar antaranya dari negara Timur Tengah dan Asia Barat. Walaupun, budaya Timur Tengah adalah tidak jauh bezanya dengan budaya Malaysia terutamanya dari aspek amalan agamanya di mana semasa bulan Ramadan, masing-masing berpuasa dan bertarawih. Namun begitu, dalam kesamaan itu ada kelainan yang pasti menarik untuk diterokai. Tenaga pengajar dan pelajar Malaysia terutamanya UTeM harus bersedia menjadi duta-duta kecil mempamerkan nilai-nilai baik dalam budaya kita. Semoga asmilasi antara budaya boleh berlaku. Jadi bukan hanya ilmu yang diperolehi dan dibawa balik ke negara mereka tetapi juga nilai-nilai budaya yang baik juga akan dibawa bersama.

**Reseptor** : UTeM turut menyahut cabaran dalam usaha mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di Malaysia melalui penubuhan Pusat Pembelajaran Berterusan (PPB). Ianya dibangunkan khusus untuk memupuk minat berterusan untuk menimba ilmu. Reseptor ingin berkongsi aspirasi Dr. Hazmilah tentang fungsi PPB, yang mana pada pendapat Dr., bagaimana PPB dapat membantu dalam memupuk minda kelas pertama di kalangan pelajar UTeM?

**Dr. Hazmilah** : Pusat Pembelajaran Berterusan (PPB) diamanahkan untuk menawarkan program-program dan kursus-kursus pembelajaran sepanjang hayat. Mind kelas pertama adalah berteraskan kepada:

i. Ketangkasan kerja;
ii. Ketepatan; dan
iii. Keberhasilan



bersambung ke muka surat 15

dari mukasurat 14

Bakal-bakal pelajar yang bergraduat atau warga organisasi adalah modal insan yang terpilih untuk melaksanakan fungsi organisasi. Mereka berbekalkan ilmu dan kemahiran asas dan umum perlu digilap dan diberi nilai tambah melalui latihan formal dan tidak formal (on the job training) untuk melaksanakan tanggungjawab. Proses pembelajaran adalah berterusan: "learn, unlearn and relearn" menjamin bahawa modal insan itu sentiasa relevan dan mampu menangani cabaran perubahan. Sikap staf perlu digilap sejajar dengan dasar pembangunan sumber manusia.

PPB kurang mampu untuk memikul amanah tersebut tanpa sokongan dari fakulti dan pusat. Maka kesemua staf perlu menyokong usaha-usaha pembelajaran sepanjang hayat ini sebagai agen transformasi yang dicitakan melalui penyediaan modul latihan yang bersesuaian, penceramah, dan sebagainya. Saya percaya usaha PBB akan menjadi mantap melalui kesepakatan murni bersama fakulti, pusat dan PTj. Bersama UTeM menzahirkan kewujudannya melalui transformasi ilmu dan amalan teknikal dalam kalangan rakan industri dan masyarakat umum.

# Bengkel Penyediaan PORTFOLIO PENGAJARAN

Rahman bin Hashim




Ir Hayati sedang menyampaikan ceramah dalam bengkel yang diadakan





Staf akademik yang menghadiri bengkel penyediaan portfolio pengajaran

PENGAJARAN dan pembelajaran secara berkesan kepada pelajar adalah antara aspek utama yang difokuskan oleh Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) pada tahun ini. Rentetan itu, setiap staf akademik begitu digalakkan mempunyai portfolio pengajaran masing-masing bagi memudahkan proses pengajaran dilaksanakan dengan lebih terancang.

Justeru, bagi membantu staf akademik PBPI mempunyai portfolio masing-masing, satu bengkel sehari berkaitan penyediaan Portfolio Pengajaran telah diadakan pada 25 Mei 2011 yang lalu. Penceramah bengkel ini adalah Prof Madya Ir. Hayati binti Abdullah daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan bengkel telah dikendalikan dalam tiga sesi, iaitu pengenalan portfolio; pembangunan portfolio pengajaran; dan pembentangan portfolio pengajaran.

Antara tujuan bengkel ini diadakan ialah untuk membolehkan staf akademik memulakan usaha pendokumentasian bahan pengajaran bagi kegunaan peningkatan profesionalisme. Selain itu, ia bertujuan menambah baik sistem pengajaran dan pembelajaran apabila kalangan akademik membuat refleksi terhadap pendokumentasian portfolio pengajaran. Di samping itu, bengkel ini diharapkan dapat membuka ruang kesedaran akan pelbagai gaya dan cara untuk mendokumentasikan portfolio pengajaran.

Menurut Ir Hayati, portfolio pengajaran adalah satu dokumen yang dapat membantu pensyarah dalam usaha penambahbaikan terhadap pengajaran dan pembelajaran menerusi amalan refleksi. Sungguhpun dokumen ini sebenarnya sudah lama diamalkan oleh beberapa insitusi pengajian tinggi tempatan, bagaimanapun ia masih belum dibangunkan secara meluas oleh kalangan akademik di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

"Penyediaan portfolio pengajaran ini adalah penting, lebih-lebih lagi ia diperlukan sewaktu permohonan kenaikan pangkat oleh staf akademik. Dokumen ini sebenarnya mengandungi pengalaman, kemajuan, dan kekuatan diri seseorang pensyarah, dalam konteks pengetahuan akademik yang dimiliki," katanya.

Menurutnya lagi, portfolio pengajaran ini merekodkan beberapa maklumat untuk pensyarah, antaranya ialah:

i) Idea dan objektif yang menjelaskan pengajaran akademik
ii) Kursus atau persediaan yang sudah dilakukan bagi tujuan pengajaran sesuatu subjek
iii) Metodologi atau kaedah pengajaran yang diguna pakai
iv) Keberkesanan sebagai penyampai maklumat
v) Cara penilaian dan menambah baik sesuatu pengajaran

Sungguhpun tempoh bengkel cuma sehari saja, semua staf akademik yang mengikuti bengkel ini sehingga akhir, mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai cara-cara penyediaan sesuatu portfolio pengajaran. Mereka telah didedahkan dengan keperluan memiliki portfolio pengajaran masing-masing serta langkah-langkah memulakan pendokumentasian berkenaan.

Apa yang lebih membanggakan ialah secara amnya, bengkel ini secara amnya sudah berjaya memenuhi KPI PBPI pada tahun ini. Inisiatif selanjutnya adalah memastikan setiap staf akademik mempunyai portfolio pengajaran masing-masing. Justeru, kerjasama daripada semua staf akademik adalah penting dalam memastikan PBPI tidak ketinggalan dalam pendokumentasian portfolio ini bagi memastikan Universiti mampu bersaing dengan IPTA lain.

# ENGLISH WEEK Program

Masyitah binti Ali Yasin







UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

English Week Program (EWP) was held from 20 June until 24 June, 2011 The Centre for Languages and Human Development (CLHD), UTeM. The objectives of this programme were to give opportunity to the students to participate in English language activities, to encourage those students to learn and enhance their English language skills, and to instill self-confidence to get involved in such programmes. The participants were all UTeM's students. There were 13 lecturers/language teachers of Language Department, CLHD involved as the facilitators. During the EWP, there were 8 games held to fulfill the objectives of this program such as English Pop Quiz, Win Lose or Draw, Scrabble, Essay Writing, Impromptu Speech, Spelling Bee, Singing Contest, and Poetry Recitation.

First, English Pop Quiz was participated by 10 students. They were divided into two groups. The questions for the quiz were in the form of open-ended and multiple choice covering five categories which were language structure, vocabulary, general knowledge, idioms, and word power. Second, there were 2 students who joined for Win Lose or Draw game. They had to guess the words based from the pictures drew by the facilitator on the board. 30 words were given to the participants. 20 words were compound words and the other 10 were English idioms. Third, we had a full participation for Scrabble. There were 16 participants and they were divided into 4 different groups. The winner for every group had to compete for the final round. The participant who got the highest mark on the final round was the winner. Fourth, there were 62 participants for the Essay Writing competition. They were given a topic and they had to write the essay within 2 hours. The title of the essay was "Where do you see yourself, career wise, 10 years from now?" Fifth, for Impromptu Speech session, there were 20 participations. They were given 5 minutes to perform their speeches. They had a one minute mental preparation after receiving the topic. Sixth, Spelling Bee game was participated by seven participants. They were given 2 chances for the first round of the game to spell the word correctly. Only 2 participants succeeded to go for the final round. There were few attempts to get to the winner position. Seventh, was the Singing Contest. There were 9 participants who joined this contest. Some song selections were Tatoo by Jordan Sparks, Sway by Michael Buble and How Do I Live by Leann Rimes. They were brave enough to stand in front of the audience and showed their performances. Lastly, was the Poetry Recitation. This competition was conducted smoothly with a total of 13 participants taking part. Despite being given a list of selected poems provided by the facilitators, participants preferred to recite poems of their own choosing. These include poems from local and international poets.

In conclusion, this program received a success from the involvement of the participants and the help from the facilitators and the committee members. Even though there were obstacles during the program, however, we managed to handle it very well. The winners will be informed a week before SALL Opening Day. The winners will receive their prizes during this event.

Mariana binti Yusoff

# Bengkel PEMANTAPAN LITERATURE REVIEW





Bengkel sehari ini adalah hasil kerjasama antara dua pusat tanggungjawab iaitu Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) dan Fakulti Teknologi dan Maklumat Komunikasi. Tujuan utama bengkel adalah memberi pendedahan kepada peserta tentang strategi penulisan kajian literature yang berkesan dalam tesis. Penceramah jemputan adalah Miss Monica Behrend, Research Education Advisor dari Kampus City West, University of South Australia, Adelaide, Australia. Seramai 88 orang terdiri dari staf akademik dari semua fakulti telah menyertai bengkel sehari. Antara isi kandungan bengkel adalah teknik dan kaedah penulisan kajian sorotan (kajian literature), struktur nahu dan tatabahasa dalam penulisan ilmiah serta masalah-masalah yang dihadapi dalam penulisan. Maklumbalas dari para peserta bengkel amat menggalakkan, antara lain, memohon agar bengkel ini dilanjutkan dalam Siri II dan berharap bengkel-bengkel seumpama ini kerap diadakan untuk membantu staf akademik dalam aspek penulisan jurnal dan juga tesis.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA









# Corat coret KEMAHIRAN INSANIAH 2011

ANIDAH BINTI ROBANI
(Penyelaras, Unit Kemahiran Insaniah, PBPI)

*Gunung Tahan Puncaknya Tinggi*
*Biar Pun Payah Tetap Didaki*
*Kemahiran Insaniah Pelengkap Kompetensi*
*Graduan Holistik Pemangkin Transformasi*

Di sepanjang bulan Mac – April 2011, UKINS sekali lagi telah bertindak sebagai pentadbir bagi kajian My3S dengan sasaran kali ini adalah para pelajar tahun akhir 2010. Kajian bagi kumpulan pelajar ini dilihat sebagai exit survey. Alhamdulillah pada pusingan kali ini, UTeM telah berjaya mencapai sasaran 100% penglibatan para pelajar tersebut dengan adanya kerjasama yang baik daripada pihak fakulti.

Sebelum daripada kelulusan tersebut dalam Mesyuarat Senat, UKINS telah menganjurkan dua bengkel bersama Timbalan Dekan (A) dan penyelaras LI dan PSM dari semua fakulti untuk membina kaedah penilaian dan pengukuran KI untuk program Latihan Industri dan Projek Sarjana Muda. Jalinan kerjasama yang baik dari semua pihak ini termasuk Pusat Komputer telah memudahkan usaha melaksanakan penilaian KI secara terapan ini iaitu dalam matapelajaran LI dan PSM. Pihak fakulti juga telah memberi kerjasama yang baik kepada UKINS dengan pelantikan AJK KI peringkat fakulti.

Sebagaimana yg telah diketahui, pelaksanaan KI di UTeM telah bermula pada semester 1 sesi 2008/2009. Setakat ini gerak kerja pelaksanaan KI di UTeM tertumpu kepada usaha menerapkan KI melalui aktiviti formal P&P khususnya secara model mata pelajaran mandiri (stand alone) yang ditawarkan oleh Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT). Pada suku pertama tahun 2011, pelaksanaan KI telah memasuki fasa baru dengan kelulusan pelaksanaan penilaian KI secara terapan (embedded) dalam mata pelajaran LI dan PSM yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat pada 27 April 2011. Penilaian KI dalam mata pelajaran LI dan PSM telah dikuatkuasakan pelaksanaannya bermula semester II sesi 2010/2011.

Pada bulan Ogos 2011, UKINS terus mengorak langkah untuk melengkapkan modul pelaksanaan dan penerapan KI di UTeM dengan bekerjasama dengan pihak HEPA untuk menjayakan Bengkel Pembinaan Kaedah Penilaian KI dalam Aktiviti Pelajar. Bengkel ini telah dianjurkan oleh pihak HEPA dengan kerjasama pentadbir KI dari PBPI sebagai fasilitator. Bengkel ini memberi fokus kepada usaha untuk membina satu lagi kaedah penilaian KI khususnya yang melibatkan aktiviti dan program sokongan (kokurikulum tidak berkredit) dalam kalangan pelajar. Bengkel ini telah berjaya mengenal pasti elemen KI yang perlu diterapkan dan dinilai dalam lapan aktiviti teras di Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

Setakat bulan Ogos 2011, UKINS telah membantu melengkapkan modul pelaksanaan KI di UTeM dengan terbangunnya kaedah penilaian yang sistematik untuk ketiga-tiga saluran penilaian KI sebagaimana yang dirancang dalam modul pelaksanaan KI terbitan 2008. Sebagai tindakan lanjut, satu modul baharu akan dihasilkan yang akan memperincikan kaedah penilaian KI di UTeM khususnya dalam program Latihan Industri dan Projek Sarjana Muda. Untuk merealisasikan hasrat ini UKINS tentunya amat mengharapkan komitmen tinggi daripada pihak fakulti dan HEPA.



# KOLOKIUM

## PENYELIDIKAN DAN ILMIAH

Rahman bin Hashim





Dalam usaha memartabatkan hasil penyelidikan di kalangan staf akademik, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, mengambil inisiatif mengadakan Kolokium Penyelidikan dan Ilmiah kali kedua. Kali pertama telah diadakan pada tahun lalu dan kedua-dua kolokium ini telah dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan Pembangunan Insan (JPI).

Sejumlah enam siri kolokium akan diadakan sepanjang tahun ini, dan setiap siri akan dijayakan oleh dua pembentang daripada JPI. Bagaimanapun, peluang turut dibuka kepada semua warga akademik daripada jabatan lain di PBPI untuk berkongsi dapatan kajian masing-masing.

Antara lain, kolokium ini bertujuan memberi peluang dan ruang kepada staf akademik PBPI untuk berkongsi pengalaman, ilmu dan dapatan kajian terkini, sama ada di peringkat fakulti mahupun di peringkat universiti.

Selain itu, ia bertujuan menyuburkan budaya penyelidikan dan ilmiah di PBPI supaya korpus ilmu dan pengetahuan yang ada pada setiap staf akademik, tidak jumud dan beku. Tambahan lagi, kolokium sebegini sudah tentu membolehkan pengumpulan ilmu, pengalaman dan dapatan kajian, dibincangkan melalui pendekatan yang lebih tersusun dan sistematik.

Semua kertas kerja yang dibentangkan dalam kolokium ini akan dikumpulkan dan seterusnya dibukukan dalam bentuk monograf. Sememangnya ini adalah langkah pertama untuk mendokumentasikan segala hasil penyelidikan dan ilmiah di PBPI, sama ada dalam bentuk teoritikal mahupun empirikal sebelum diperhalusi dan ditambah baik bagi tujuan penerbitan yang lebih tinggi mutunya.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**ubat hati**

**Pertama** baca Qur'an dan maknanya
**Kedua** solat malam dirikanlah
**Ketiga** berkumpullah dengan orang soleh
**Keempat** perbanyaklah berpuasa
**Kelima** zikir malam perbanyaklah



Nasyidfm
www.nasyidfm.net




# PROGRAM ROUTE TO IELTS

S. Indra Devi

Pada tarikh 21 Jun 2011 hingga 24 Jun 2011 telah berlangsung Program Route To IELTS bertempat di Hotel KING'S, Ayer Keroh bermula dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang. Program ini adalah anjuran Bahagian Cuti Belajar UTeM dengan kerjasama Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan. Program ini disertai oleh 20 staf akademik dari UTeM. Objektif program ini adalah untuk mendedahkan para peserta kepada latihan, teknik-teknik dan kaedah sebenar peperiksaan IELTS supaya mereka dapat lulus dengan mudah. Melalui program ini peserta juga dapat meningkatkan keyakinan diri serta lebih bersedia untuk menghadapi ujian IELTS. Di samping itu, ianya juga membantu mengurangkan kebarangkalian untuk gagal dan mengulang peperiksaan berkenaan.

Program ini dibahagikan kepada beberapa modul, iaitu pendengaran, pertuturan, pembacaan serta penulisan dan ianya selaras dengan ujian tersebut. Pembahagian modul ini telah memudahkan para peserta memahami teknik-teknik yang bersesuaian dalam menjawab peperiksaan. Tenaga pengajar terdiri daripada staf dari Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, iaitu Dr Mariana Yusoff, En E. Rajendraan, Pn Noorli Khamis dan Pn S. Indra Devi. Para peserta telah diberikan panduan dan tunjuk ajar yang secukupnya.

# ENGLISH PROFICIENCY FOR POLYTECHNIC LECTURERS

E.Rajendraan

The Language Department from Centre of Languages And Human Development as part of its commitment in enhancing the human capital development has successfully contributed in the English Proficiency for Polytechnic Lecturers, program. It was organized by the Commerce Department of Politeknik Merlimau, Melaka(PMM). A total of 50 participants from the Commerce Department were involved in this program.

The training session was held at Politeknik Merlimau, with a 2 ½ hour class, twice a week on every Thursdays and Fridays with a total of 50 contact hours starting from 20th June 2011 and the final slot was the Micro Teaching class which was held on the 8th September 2011 (Thursday). The trainers were from our Languages Department, namely; Dr. Mariana binti Yusoff, Mr.E.Rajendraan, Pn B.Subatira, Pn Safiah binti Sidek and Pn. Noorli bt Khamis. Ms Monica Behr from Australia also attended the program as a guest speaker.

The program was to enhance English profiency and teaching skills specifically for Commerce Department lecturers. It was aimed to help participants develop and sharpen their communication and presentation skills in English in order to adapt to the continuing advances in the Commerce Department of PMM.

Among the topics covered during the program were, Lecturer's level of proficiency, Getting to know yourself, Spoken conventions & assertive skills, Instructional language, Spoken conventions & assertive skills, Instructional language, Incorporating English in class activities, Language usage in class evaluation & assessment, Business presentation skills and Teaching simulation & reflection.

Based on the feedback received from the participants the program managed to achieved its intended goals and objectives. It was expected that by the end of the programme, the participants will be able to apply various skills & techniques to improve their language profiency. They were also expected to utilize proper language forms & functions for teaching and learning purposes, as well as to apply various techniques to motivate students to be self learners.

*A Chinese Proverb*

**ABOUT MONEY**

- *with money you can buy a house but not a home*
- *with money you can buy a clock but not time*
- *with money you can buy a bed but not sleep*
- *with money you can buy a book but not knowledge*
- *with money you can see a doctor but not good health*
- *with money you can buy a position but not respect*
- *with money you can buy blood but not life*
- *with money you can buy sex but not love*

UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# JAPANESE IN BITS AND PIECES

Mohd Nizam bin Yusof

Kursus Bahasa Jepun untuk staf UTeM (Japanese In Bits and Pieces) anjuran Jabatan Bahasa,Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) yang telah diadakan dengan jayanya pada 17 Mac, 24 Mac, 31 Mac dan 7 April 2011 bertempat di Bilik Seminar Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI).

Kursus Bahasa Jepun Untuk Staf UTeM merupakan satu kursus yang mendedahkan pengetahuan asas mengenai bahasa, sosial dan budaya masyarakat Jepun. Kursus ini mengambil pendekatan komunikatif dan memberi penekanan kepada situasi semasa seperti kehidupan harian, pejabat dan masyarakat.

Peserta juga didedahkan secara ringkas mengenai tulisan Jepun dengan tujuan bagi memastikan peserta dapat menyebut dengan tepat kosa kata Bahasa Jepun. Peserta akan didedahkan kepada struktur ayat ringkas serta mudah dan nahu bagi memudahkan mereka berkomunikasi dengan pelanggan dari negara Jepun. Peserta diberi nota-nota ringkas bagi permulaan setiap topik baru yang mereka pelajari. Disamping itu pensyarah juga dari masa ke semasa akan memperkenalkan laman web yang bersesuaian dengan topik yang diperkenalkan. Fokus utama kursus ini adalah pada kemahiran mendengar dan bertutur di dalam Bahasa Jepun.





Secara keseluruhannya, program ini mendapat sambutan yang baik dari semua staf UTeM.Seramai 22 orang peserta dapat mengikuti kelas ini dengan jayanya.Walaupun susah untuk mengingati perkataan-perkataan dalam Bahasa jepun ini,peserta bersungguh-sungguh dalam menjayakan program Japanese in Bits and Pieces pada kali ini.Terima kasih diucapkan kepada semua warga UTeM yang menyertai program ini.

Domo arigatou gozaimas

UTeM




# ENGLISH IN BITS AND PIECES

S.Indra Devi

The English in Bits & Pieces Programme was held in a series of five weeks beginning from 23 March 2011 till 20 April 2011.This programme which was held for a duration of two hours that is from 30'clock till 5o'clock on Wednesdays is meant to provide an opportunity for the staff of UTeM to communicate in an English Language environment as well as to build their confidence and motivate them to use the English Language extensively. The programme was conducted by 5 lecturers from the Department of Languages. The details of the instructors as well as the topics covered are as specified below:

| NO. | DATE | LANGUAGE INSTRUCTOR | TOPIC |
|---|---|---|---|
| 1. | 23/3/2011 | Mr.E.Rajendraan | Common Errors |
| 2. | 30/3/2011 | Ms.Noraini Husin | Public Speaking- impromptu speech, comments and tips sharing by language instructor |
| 3. | 6/4/2011 | Ms.S.Indra Devi | Collocations |
| 4. | 13/4/2011 | Ms.Teh Zanariah | Parts of Speech |
| 5. | 20/4/2011 | Ms.Safiah Sidek | Individual / in pairs performance |

This programme which has been activity oriented has been found to be very beneficial to the participants. Top three highest scorers in the respective sessions were awarded a present each. They were found to be immersed in a complete English speaking environment and the interactive activities optimized as well as enhanced the development of communication skills as well as grammatical knowledge of the participants.

The closing ceremony of the programme which was held on 20 April 2011 was officiated by the Dean of Centre for Languages and Human Development. In her speech, the Dean encouraged the participants to apply whatever knowledge and skills acquired in their daily practices. The participants also delivered thirteen mini presentations and the best three presenters were awarded with prizes. On the overall, the participants have suggested that more of this kind of programme which helps them to learn English in a supportive and conducive environment is held in the near future.

# Selamat Datang

Setiap ada pertemuan, ada perpisahan. Setiap ada awal tentu ada akhirnya. Tahun ini kedatangan dan kehilangan orang-orang yang menabur bakti untuk PBPI silih berganti. Ternyata kehadiran orang-orang baru memeriahkan lagi suasana di PBPI dan kehilangan yang lama tetap menjadi kenangan dan bersemadi dalam hati kami. SELAMAT DATANG dan SELAMAT TINGGAL kami ucapkan....

SELAMAT DATANG kami ucapkan kepada warga baru PBPI....



**Puan Aryanti binti Ismail**
Pembantu Tadbir
(Perkeranian dan Operasi)
20 Jun 2011 (Pertukaran PTj
dari Pejabat Naib Canselor ke PBPI)



**Cik Nadiah binti Zainal Abidin**
Guru Bahasa
5 September 2011



**Cik Fauziah binti Abdullah**
Guru Bahasa
8 September 2011



**Cik Tan Poh Ee**
Guru Bahasa
12 September 2011



**Puan Nor Lailatul Azilah binti Hamdzah**
Guru Bahasa
19 September 2011



**Encik Mohamad Tahkim bin Salahudin**
Guru Bahasa
19 September 2011



**Encik Zulkifli bin Hanafi**
Guru Bahasa
19 September 2011

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Selamat Bertugas

Tidak dilupakan juga SELAMAT BERTUGAS kepada staf cuti belajar yang telah kembali ke PBPI...



**Puan Safiah binti Sidek**
Pensyarah



**Puan Noorli binti Khamis**
Pensyarah



**Cik Anisah binti Kasim**
Pensyarah



**Puan Hafzan binti Ariffin**
Pensyarah



**Puan Norliah binti Kudus**
Pensyarah Kanan

# Jasamu Dikenang



**Cik Zatur Rawihah binti Ramli**
Pembantu Tadbir
(Perkeranian dan Operasi)
3 Mac 2003 hingga 5 Jun 2011 (Pertukaran PTj dari PBPI ke Pusat Sukan, HEPA)

"SELAMAT TINGGAL kami ucapkan untuk insan-insan yang banyak menabur bakti kepada PBPI. Kami pasti merindui kalian. Walaupun jauh di mata tetapi dekat di hati."



**Cik Norain binti Ismail**
Pensyarah
1 Februari 2002
hingga 15 Julai 2011
(Pertukaran PTj dari PBPI ke FPTT)



**Puan Masyitah binti Ali Yasin**
Guru Bahasa
10 Mac 2010

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Selamat Berjuang



**Puan Siti Rohana binti Omar**
Pensyarah Kanan
2 Mei 2011



**Puan Noraini binti Husin**
Pensyarah
2 Mei 2011

"Selamat maju jaya dan menempuh cabaran. Semoga tabah dalam meggapai segulung ijazah Ph.D."



**Puan Nooraini binti Sulaiman**
Pensyarah Kanan
5 September 2011

Perpustakaan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

# Transformation

The future is not a result of choices among alternative paths offered by the present, but a place that is created--created first in the mind and will, created next in activity. The future is not some place we are going to, but one we are creating. The paths are not to be found, but made, and the activity of making them, changes both the maker and the destination.

*-John Schaar-*

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA